

# PERBARISAN KOMANDAN INSPRA DAN MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4265-perbarisan-komandan-inspra-dan-majlis-pemakaian-pangkat](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4265-perbarisan-komandan-inspra-dan-majlis-pemakaian-pangkat)

INSPRA, 17 Dis 18 – Komandan INSPRA, Kol Ben Khedda Adnan bin Mohd Yusoff TUDM telah menyempurnakan upacara pemakaian pangkat Lt TUDM kepada peserta kursus dalam Perbarisan Komandan yang diadakan di Padang Kawad INSPRA.



Seramai 16 peserta kursus telah dinaikkan ke pangkat Lt TUDM berkuatkuasa 16 Dis 18 yang terdiri daripada 9 peserta kursus Basic Air Traffic Controller Officer (BATCO) Serial 36/18, 2 daripada peserta kursus Basic Fire Officer (BFO) Serial 9/18, dan 5 daripada peserta kursus Air Combat Induction Course (ACIC) Serial 2/18.



Komandan INSPRA turut memberi pesanan supaya sentiasa menjaga disiplin dan keselamatan diri dan tempat kerja supaya perkara yang tidak diinginkan dapat dielakkan di dalam ucapan beliau. Komandan INSPRA juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas bagi peserta kursus yang telah dinaikkan pangkat.



